



**WAJAH  
KEHIDUPAN**

Program 1AZAM (Akhir Zaman Miskin) mula diperkenalkan kerajaan pada Januari 2010, bertujuan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin tegar, iaitu isi rumah berpendapatan bulanan RM460 ke bawah dan miskin (RM760 ke bawah).

1AZAM membolehkan golongan ini menjana pendapatan melalui aktiviti ekonomi seperti perniagaan, jahitan, ternakan dan pertanian secara kecil-kecilan di bawah empat jenis bidang iaitu AZAM Kerja, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan AZAM Tani.

Berbanding bantuan kebajikan lain, 1AZAM menjurus kepada 'kebajikan produktif' iaitu

**1AZAM bantu golongan miskin tegar  
jana pendapatan melalui aktiviti  
ekonomi secara kecil-kecilan**

**AMINUDDIN** menyediakan telur masin untuk dihantar kepada pelanggan.



**AMINUDDIN** menternak itik selepas mendapat bantuan FAMA melalui program 1Azam Tani di Permatang Kuang, Kepala Batas.

golongan miskin tegar dan miskin yang produktif akan diberi bantuan dalam bentuk barangan, kemahiran, latihan, motivasi dan kursus pembangunan minda. Dalam erti kata lain, mereka dilatih untuk berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata. Wajah Kehidupan minggu ini berkongsi pengalaman peserta program ini dan bagaimana ia dapat mengubah nasib hidup, sekali gus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

Metro 17/3/13 Ms 44.

# Telur masin ubah taraf hidup

Oleh **RIZANIZAM ABDUL HAMID, ZULFA MOHAMAD dan NORUL AWATIF ROMLI**  
metahad@hmetro.com.my

**W**alaupun tiada pengalaman memternak itik, keinginan untuk mengubah taraf hidup menyebabkan sepasang suami isteri memberanikan diri memelihara itik telur selepas mendapat bantuan Lembaga Pe-

masaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang.

Aminuddin Md Tahir, 44, dan isterinya Sufiza Yusof,

40-an, dari Permatang Kuang, Kepala Batas nekad memulakan projek ternakan itik sejak dua tahun lalu walaupun pada mulanya kemampuan mereka kurang diyakini berikutan tidak ramai yang berjaya.

Namun, selepas bantuan 500 anak itik serta makanan membabitkan kos RM10,000 dari FAMA, pasangan berkenaan tidak lagi menoleh ke be-

lakang, sebaliknya menjana pendapatan dengan menjual telur masin.

Aminuddin berkata, mulanya dia menerima 500 ekor anak itik di bawah program 1Azam Tani (Akhir Zaman Miskin), namun 200 daripadanya mati disebabkan pelbagai faktor, termasuk penyakit, dan kini tinggal 300 ekor.

"Sebenarnya saya langsung tiada pengalaman memternak itik, tetapi semangat ingin mengubah kehidupan menyebabkan saya belajar sedikit demi sedikit daripada orang kampung.

"Jika sebelum ini pendapatan tidak menentu kerana hanya bekerja kampung, termasuk menjadi tukang



Metro 17/3/13 45.

rumah, namun kini saya dan isteri mempunyai pendapatan tetap dengan menjual telur masin.

“Sekurang-kurangnya ia dapat menampung perbelanjaan harian dan kos persekolahan tiga anak kami berusia antara tujuh hingga 17 tahun,” katanya.

Telur masin dijual 60 sen sebiji kepada peniaga runcit dan restoran sekitar pekan ini dan Tikam Batu, Kedah dan purata jualan sehari antara 150 hingga 180 biji dengan pendapatan RM30.

Mengulas lanjut mengenai projek berkenaan, Aminuddin berkata, itik tidak boleh terkejut kerana akan menjejaskan proses bertelur selain tempoh menghasilkan telur yang singkat iaitu dalam tempoh tiga tahun.

Katanya, pada hari biasa dia mampu memenuhi permintaan, namun masalah timbul setiap kali menjelang Ramadan berikutan permintaan melebihi bekalan.

“Saya memang merancang meningkatkan jumlah ternakan itik supaya lebih banyak telur masin dihasilkan bagi memenuhi permintaan, namun faktor modal menjadi penghalang.

“Kalau hendak bergantung pada modal sendiri untuk membesarkan projek ini memang lambat kerana kos tinggi. Sebab itu, saya mengalu-alukan jika ada pihak lain, termasuk Jabatan Pertanian, menghulurkan bantuan,” katanya.



**AMINUDDIN**

**ESOK: Masyarakat Cina dan India juga dapat manfaat**